

16/05/2000

Mengajak rakyat bersama kerajaan

WALAUPUN tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berjaya mempertahankan jawatan Naib Presiden Umno untuk penggal ketiga. Apakah tanpa jawatan menjadi penghalang bagi beliau melaksanakan tugas yang diamanahkan? Wartawan Berita Harian, Zulkofli Jamaludin bertanya mengenai perancangannya untuk memajukan bangsa dan tanah air serta masa depan politiknya.

BH: Selepas diamanahkan semula jawatan apakah antara tugas pertama yang akan Tan Sri lakukan?

Muhammad: Seperti dijanjikan, saya akan menjelajah ke seluruh negara bertemu ahli Umno menjelaskan dasar parti di samping mendapat maklum balas dari pemimpin akar umbi. Tidak guna negara kita mempunyai prasarana yang hebat tetapi tidak menggunakannya untuk kerja parti. Saya berharap dapat memainkan tugas untuk menaikkan semangat, mempertingkatkan dan membetulkan matlamat kita supaya di mana juga berada kita ada peranan. Ada peranan yang dilaksanakan kerajaan dan ada juga yang perlu ditunaikan oleh rakyat. Peranan kita sebagai rakyat sangat penting untuk mencapai kejayaan keseluruhannya kerana bukan semuanya akan dibuat oleh kerajaan.

BH: Mereka yang dipilih menduduki Majlis Tertinggi (MT) adalah daripada pemimpin kerajaan, muka baru dan mereka yang pernah disingkirkan daripada parti. Bagaimana Tan Sri melihat gabungan yang dipilih perwakilan untuk melaksanakan tugas parti?

Muhammad: Ini adalah pasukan abad ke-21. Alaf mencabar yang menuntut kekuatan daya saing dan daya juang. Ramai tidak tahu mengenai pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2003, yang memberi kesan besar terhadap negara membangun. Malaysia sebagai sebuah negara membangun perlu membina kekuatan untuk bersaing dengan negara gergasi. Pendek kata, apakah kita mampu bersaing dengan kecekapan, yang akan kita hadapi dari luar.

Maka pasukan baru daripada pelbagai latar belakang dan bidang ini dapat mengisi segala keperluan yang sudah tentu diperlukan oleh orang Melayu. Ini bukan era kita duduk bersendirian di negara ini, tetapi terdedah kepada keputusan bersama pada peringkat antarabangsa yang mana kita harus menjadi lebih kuat, lebih cekap dan bertenaga menghadapi era globalisasi.

BH: Bolehkah ahli MT, termasuk Tan Sri yang tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan dapat melaksanakan tanggungjawab itu?

Muhammad: Insya-Allah, dengan amanah yang diberikan, ia boleh dilaksanakan. Perwakilan mahu pemimpin ini lebih menumpukan kepada parti terutama pada peringkat akar umbi. Sudah tentu pemimpin ini perlu banyak pergi bertemu dengan ahli pelbagai peringkat untuk mengetahui apa juga masalah mereka. Selepas mendengar dan memahami masalah itu, ia hendaklah disampaikan kepada pihak terbabit, termasuk pihak tertinggi parti untuk dicari jalan penyelesaian.

BH: Tan Sri berada di luar sedangkan dua lagi Naib Presiden menjawat jawatan kerajaan. Apakah ini satu kekurangan?

Muhammad: Mereka boleh tumpu kerja kerajaan dan membahagi tugas dalam kerajaan dan pemimpin parti. Saya yang di luar tumpu sepenuh masa kepada parti. Saya akan cuba sedaya upaya untuk bertemu seberapa ramai ahli dan pemimpin Umno di pelbagai peringkat. Sama ada kita duduk dalam atau luar kerajaan, peranan kita adalah sama iaitu mengajak rakyat bersama kerajaan. Saya pernah berada dalam kerajaan dengan menjadi Menteri Besar selama 11 tahun. Saya melaksanakan seperti apa yang sepatutnya dilaksanakan sebagai ahli kerajaan. Kini, saya tidak duduk dalam kerajaan, tumpu pula kepada

tugas sebagai seorang pemimpin di luar kerajaan.

Dalam kerajaan sudah ada cukup pemimpin yang akan melaksanakan dasar parti ketika menjawat jawatan. Saya pula akan memainkan tugas sebagai ahli dan pemimpin parti dari luar kerajaan. Saya akan tumpu kerja sama ada yang saya usaha sendiri atau diputuskan MT, bagi menggerakkan Umno supaya dapat diterima oleh seluruh orang Melayu semula.

BH: Bagaimana Tan Sri hendak melaksana tugas itu?

Muhammad: Sekarang saya bebas dan dikehendaki menemui ahli pada peringkat akar umbi, bukannya menemui ahli sebulan sebelum pertandingan. Kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, buatlah kerja dari sekarang kalau hendak kedudukan tiga tahun lagi. Jangan tunggu minit terakhir baru mahu menunjukkan kita bekerja. Itu cara tidak sihat sewaktu hendak bertanding, baru hendak menonjolkan diri.

Kita kena terang dasar kerajaan. Sebenarnya, ramai terkeliru sehingga tidak menyokong kerajaan pada pilihan raya lalu. Inilah satu tugas yang saya nak laksanakan dan membantu parti memberi penerangan kepada ahli Umno dan masyarakat di akar umbi mengenai apa yang dibuat oleh parti yang menjadi tunjang kerajaan Barisan Nasional (BN). Sesetengah, barangkali tidak didedahkan mengenai tugas Umno sejak merdeka sehingga sekarang dan apakah perancangan parti untuk masa depan. Tugas dan perancangan ini perlu diberikan penerangan agar ahli parti serta masyarakat jelas mengenai tugas kerajaan.

BH: Agak mudah memberi penjelasan kepada ahli parti dan golongan di atas pagar. Bagaimana pula untuk menarik semula mereka yang menentang kepemimpinan parti dan penyokong pembangkang?

Muhammad: Kita harus mengetahui sebab apa mereka menolak dan tidak berpuas hati. Yang penting kita bertemu mereka, berbincang dan menjelaskan kekeliruan ini. Jika tidak, ada pihak lain yang cuba melemahkan imej kerajaan. Jadi tugas kita adalah untuk memberi penerangan yang jelas. Ramai daripada ahli dan masyarakat yang tidak faham. Jadi usaha Presiden Umno untuk tumpu perkara ini dengan pergi bertemu dengan seberapa ramai pemimpin akar umbi yang mewakili semua kaum adalah satu langkah positif.

BH: Bolehkah orang Melayu memberi semula sokongan padu kepada BN seperti masyarakat Cina pada pilihan umum lalu?

Muhammad: Orang Cina melihat kestabilan politik, perpaduan kaum dan kejayaan memulihkan semula kemelesetan ekonomi sebagai kejayaan besar kerajaan. Sebab itu mereka mengundi BN. Mereka berasakan kerajaan ini sudah mencapai matlamatnya. Di pihak lain kita lihat orang Melayu berbelah. Jadi maknanya kita perlulah memberitahu orang Melayu bahawa kita sebenarnya sudah mencapai kejayaan. Cuma ada berapa isu yang berbangkit. Isu mengenai tokoh tertentu seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disingkirkan daripada kerajaan dan parti, seolah-olah menutup kejayaan dicapai selama ini. Isu lain pula seolah-olah kerajaan kita tidak betul belaka. Isu ini perlu ditangani secara berdepan dan perlu diperjelaskan. Inilah antara tugas utama pemimpin Umno sekarang.

BH: Ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden ada perwakilan meminta pemimpin meluangkan lebih banyak masa kepada kerja parti di samping menjalankan tugas sebagai anggota kerajaan. Apakah ini pendekatan Umno sekarang?

Muhammad: Saya sangat bersetuju dengan saranan (Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan), Datuk Annuar Musa, bahawa tugas parti itu adalah sangat penting dan perlu diberi keutamaan. Tidak guna kita mempunyai rumah yang cantik, semuanya elok dan makanannya pun ada, tetapi hubungan suami isteri tidak baik. Jika keadaan itu berlaku, suami yang makan tidak akan rasa kelazatan makanan yang dihidangkan. Jika rumah biasa pula dengan lauk ikan goreng tetapi hubungan suami isteri baik, kita akan merasa keseronokannya.

BH: Bidang apakah yang akan diberi tumpuan?

Muhammad: Penyediaan kemudahan asas sudah hampir selesai. Sejak mencapai kemerdekaan 43 tahun lalu, kita nampak banyak kejayaan yang dibawa oleh kerajaan BN. Selepas ditubuhan pada 1946, Umno mempelopori pelbagai perjuangan - kemerdekaan, meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Dasar Ekonomi Baru (DEB), pembangunan luar bandar, industri berat, menara berkembar dan lapangan terbang terbaik dunia. Kita sudah menyediakan kemudahan asas yang hebat dan dikagumi oleh negara membangun lain. Ramai pemimpin luar kagum dan mereka yang melawat negara kita bertanya, bagaimana pemimpin kita lakukan.

Bagaimanapun pada masa yang sama, kita nampak bahawa ada lagi lopak dan ruang yang perlu ditekankan untuk orang Melayu mencapai tahap maju. Saya nampak walaupun infrastruktur sudah hampir selesai, tetapi orang Melayu masih mempunyai banyak yang perlu dimajukan. Bila kita bandingkan dengan bangsa agung dunia, kita dapati kemajuan yang mereka capai jauh ke hadapan, berbanding orang Melayu. Sebenarnya ada banyak bidang yang perlu kita tingkatkan. Contohnya, tidak ada guna stadium cantik seperti di Shah Alam sekiranya kita gagal menaikkan taraf sukan negara. Stadium bertaraf dunia manakala pemainnya pula bertaraf ladang.

BH: Jika dibandingkan dengan bangsa agung dunia, kita dapati nilai-nilai untuk maju dalam masyarakat kita masih ketinggalan.

Muhammad: Inilah yang perlu diberi tumpuan. Antara nilai yang perlu disemai ialah cita-cita untuk menakluk. Bangsa lain mempunyai jiwa menakluk sejak beratus-ratus tahun dahulu dalam bidang politik, tentera, ekonomi, perkhidmatan, ilmu dan menguasai penerbitan, mahupun media elektronik. Apakah orang Melayu cuma layak berada dalam negara mereka dan dihujani dengan mentaliti subsidi sehingga tidak mampu bergerak, bersaing dan berhadapan dengan bangsa lain yang maju? Apakah kita hanya mampu menjalankan usaha dalam negara? Apakah kita tidak boleh menjadi seperti orang Jepun yang menguasai perkhidmatan, perkilangan, pembinaan dan mereka nampak lebih jauh di depan kita? Kalau kita belum sampai ke tahap itu dan cuba berbangga dengan lebuhraya dan lapangan terbang yang hebat, sebenarnya kita belum maju dan banyak lagi yang perlu diperjuangkan. Apa yang penting orang Melayu hendaklah mempunyai kualiti sebagai bangsa agung seperti disarankan oleh Presiden Umno. Ahli Umno hendaklah berpegang dengan saranan itu dan berjuang untuk menjadi bangsa Melayu baru iaitu yang mempunyai kualiti setanding dengan bangsa agung dunia.

BH: Ketika menggulung perbahasan di akhir perhimpunan, Tan Sri menjelaskan ingin menjadi makmum yang baik.

Bagaimana Tan Sri hendak melaksanakan tanggungjawab itu?

Muhammad: Ada kartun di akhbar Melayu menulis - Mike Tyson dah masuk gelanggang ... Pak Abu dan mula berpeluh - Saya hendak memberi mesej, saya adalah seorang yang boleh bekerjasama dengan sesiapa pun. Saya akan membantu memperkukuhkan parti dan ingin melihat Umno kuat serta tidak ingin bertelagah. Kita boleh lihat rekod kerja saya. Di bahagian Hulu Selangor, walaupun tidak terpilih menjadi calon dalam pilihan raya umum lalu, saya tidak membuat kacau. Sebaliknya, saya membantu calon untuk membolehkan BN menang. Apakah saya gunting dalam lipatan atau depan cakap lain, belakang cakap lain?

Itu sebabnya saya menjadi makmum bukan makna saya hendak sama dengan ibadat tetapi ini prinsip yang senang difahami oleh orang Melayu. Apabila kita sebagai pemimpin, orang ikut kita. Itu sebabnya apabila kita menjadi pengikut, kita ikut pemimpin pula. Saya hendak menjadi pengikut di Selangor kerana kita mempunyai pemimpin. Saya tidak akan mengganggu pemimpin pada peringkat negeri kerana ia adalah imam dan pemimpin. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk mengganggu pada peringkat negeri. Tidak perlu saya merebut jawatan kerana jawatan itu sudah ada pemimpinnya.

BH: Apakah Tan Sri berhasrat untuk menawarkan diri bertanding dalam pemilihan bahagian tahun depan?

Muhammad: Saya sebut secara terbuka di Hulu Selangor bahawa kita sudah ada ketua bahagian. Saya tidak berhajat merebut jawatan kerana ketua sekarang adalah baik, baru penggal pertama menjadi wakil rakyat. Beri beliau peluang untuk menjadi pemimpin dan saya akan terus memberi sokongan. Kita harap ahli Umno di Hulu Selangor memberi peluang kepada ketua bahagian menjalankan tugas memperkukuh parti, membawa ahli supaya mereka menjadi orang Melayu dinamik, beriman, progresif, tahan daya saing dan mempunyai kekuatan.

Tidak guna kita berebut menjadi ketua bahagian tetapi ahli berpecah-belah dan mereka tidak tenteram. Jika keadaan itu berlaku, gagallah saya sebagai pemimpin kerana ciri asas seorang pemimpin adalah menyatukan ahlinya bukan memecah-belahkan mereka. Sebagai ahli biasa yang diberi peluang oleh perwakilan untuk menjawat jawatan Naib Presiden, buat apa lagi rebut jawatan di bahagian. Lebih ramai orang menjawat jawatan lebih baik. Antara tugas penting kita ialah memajukan Umno, orang Melayu dan persoalannya apakah kita mampu melaksanakan amanah dengan baik.

(END)